

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Tiga Menteri Kabinet dan tiga Timbalan Menteri digugurkan dari senarai pencalonan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum, 22 April ini.

Mereka ialah Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad (UMNO-Jerantut), Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat Datuk Richard Ho (MCA-Lumut) dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui (SUPP-Bandar Kuching).

Tiga Timbalan Menteri yang digugurkan ialah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Idris Rauf (UMNO-Parit Buntar) Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman (UMNO-Ulu Nerus) dan Timbalan Menteri Pertanian, Encik Edmund Langgu (SNAP-Saratok).

Beberapa Timbalan Menteri juga tidak akan mengekalkan jawatannya selepas pilihanraya ini kerana berpindah kerusi ke Dewan Undangan Negeri.

Mereka termasuk Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Jalil Abu Bakar dari Batu Pahat ke Rengit, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Razak dari Pekan ke Bandar Pekan, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Rahim Tamby Chik dari Parlimen Alor Gajah ke Kelemak.

Menarik diri

Bagaimanapun, dua dari mereka, Datuk Najib dan Encik Rahim diarah pulang ke negeri masing-masing kerana kemungkinan besar mereka akan dilantik sebagai Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Beberapa bekas Menteri juga menarik diri dari bertanding. Mereka termasuk bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Tan Sri Abdul Samad Idris (Jelebu), Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Tan Sri Abdul Kadir Yusof (Tenggaruh) dan bekas Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, Datuk Seri Hamzah Abu Samah (Temerloh).

Sebelum ini, dua Menteri Besar mengumumkan penarikan diri masing-masing dari dicalonkan. Mereka ialah Tan Sri Haji Othman Mohd Saat (Johor) dan Datuk Haji Hadrat Rafel (Selangor).

Turut menarik diri ialah bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan.

Dua Menteri Besar dan seorang bekas Menteri Besar dipindahkan dari kerusi Dewan Undangan Negeri ke Parlimen. Mereka ialah Datuk Rais Yatim (Negeri Sembilan), Encik Mohd Adib Haji Adam (Melaka) dan Encik Ab-

3 Menteri tiga Timbalan tak dicalon



DATUK SERI SHARIFF AHMAD



TAN SRI ONG KEE HUI



DATUK RICHARD HO



DATUK ABDULLAH ABDUL RAHMAN



ENCIK EDMUND LANGGU



ENCIK IDRIS RAUF

dul Rahim Abu Bakar (Pahang).

Ketiga-tiganya, kemungkinan besar akan menyertai kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir selepas pilihanraya kelak.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Hussein Ahmad turut ke Parlimen dan akan bertanding di kawasan Rantau Panjang.

Beberapa tokoh veteran politik UMNO yang turut digugurkan ialah Encik Mohd. Khir Johari (Kuala Muda), Datuk Senu Abdul Rahman (Kuala Kedah), Datuk Nik Hassan Abdul

Rahman (Kuala Nerus), Encik Mohamad Ali Shariff (Kuantan).

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kekal di kawasan Kubang Pasu. Beliau akan ditentang oleh calon PAS, Encik Yusoff Rawa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam pula berpindah kawasan dari Parlimen Labis ke Panti (menggantikan Datuk Yusoff Malim Kuning yang bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri).

Lain-lain Menteri yang kekal di kawasan

lama mereka ialah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah (Ulu Kelantan), Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie (Lipis), Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat (Pulau) dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Jonid (Jerlun-Langkawi).

Beberapa Menteri lain tukar kawasan, antaranya Menteri Perusahaan Awam (dari Selayang ke Kuala Kangsar), Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon (dari Segamat ke Seremban).